



Surat Kami : 500-CK (PTD 23/4/4)  
Tarikh : 1445H رجب 18  
: 30 Januari 2024

Semua Pensyarah  
UiTM Cawangan Kelantan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh/ Salam Sejahtera

Tuan/Puan

**PELAWAAN UNTUK MEMOHON JAWATAN PENTADBIR AKADEMIK**

**1. Koordinator Program Diploma Pengurusan Maklumat (IM110)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) telah menetapkan supaya semua pelantikan Pentadbir Akademik dilakukan melalui Panel Pemilih yang telah dilantik keanggotaanya dan garis panduan pemilihan.

3. Salah satu garis panduan yang telah ditetapkan ialah kekosongan Pentadbir Akademik di Universiti hendaklah dimaklumkan bagi membolehkan mana-mana calon yang merasakan mereka layak menawarkan diri untuk menyumbang kepada Universiti.

4. Sehubungan itu, tuan/puan yang berminat adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut mengikut butiran seperti di lampiran A dan B.

5. Sila kemukakan permohonan ke alamat di bawah sebelum atau pada **12 Februari 2024 (Isnin)**.

**Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Pentadbiran  
UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang  
18500 Machang  
Kelantan  
Emel: [enorlaili@uitm.edu.my](mailto:enorlaili@uitm.edu.my)**


Sekian, harap maklum. *Wasalam.*

اوسها، تقوى، مليا

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(PROF. DR. HAJI ABDOL SAMAD BIN NAWI)  
Rektor

Pejabat Rektor  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan  
Tel: (+09)976 2000 / 2211 / 2027 Faks: (+09)976 2001  
E-Mail : [rektorkln@uitm.edu.my](mailto:rektorkln@uitm.edu.my)

